

Perkukuh hubungan KL-Canberra

UM - 29/11/2006

PENUBUHAN Institut Australia-Malaysia (AMI) selepas lawatan rasmi kerjasama dua hala sulung Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi ke Australia pada April 2005, dilihat oleh pelbagai pihak di kedua-dua negara sebagai satu titik tolak dalam memperkukuhkan hubungan dua hala Kuala Lumpur dan Canberra.

Ketika merasmikan AMI di Canberra pada Apri lalu, Menteri Luar, Alexander Downer melahirkan hasrat Australia untuk menceriaikan semula hubungan diplomatik supaya ia lebih memanfaatkan kedua-dua negara dalam jangka panjang.

"Institut ini akan memperkukuhkan dan mempromosikan hubungan antara Australia dan Malaysia," kata beliau. Malah Downer juga melahirkan harapan yang sedemikian kepada wartawan Malaysia yang mengunjungi beliau sehari selepas pelancaran AMI.

AMI merupakan antara simbol aspek dan bidang kerjasama terbaru Malaysia-Australia sejak lawatan Abdullah ke Australia awal tahun lalu, kunjungan rasmi dua hala yang pertama melibatkan Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh 21 tahun. Dilihat dari sudut sejarah, hubungan dan kerjasama kedua-dua negara sebenarnya menjangkau abad ke-18.

Ketika mengulas kemajuan yang dicapai sepanjang 20 bulan lalu sejak lawatan rasmi Abdullah selaku Perdana Menteri, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, James Wise menyifatkan perkembangan sejak April 2005 sebagai "koleksi kemajuan yang banyak dalam waktu yang singkat."

Ringkasnya, menurut beliau, sudah lama Malaysia dan Australia tidak menikmati suasana yang sedemikian rupa. Kedua-dua negara menikmati banyak kejayaan yang penting dan bermakna dalam meletakkan hubungan diplomatik pada kedudukan menarik bagi kedua-dua negara.

Dalam temu bual sempena lawatan Perdana Menteri John Howard itu, Wise menggariskan kemajuan-kemajuan besar yang dicapai sepanjang tempoh itu. Ia termasuklah penubuhan AMI.

Kemajuan signifikan lain ialah penyertaan Australia dalam Sidang Kemuncak Asia Timur pertama, yang diadakan di Kuala Lumpur, inisiatif

rundingan kerjasama dua hala Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia-Australia, rekod penyelesaian perjanjian bantuan perundangan bersama berhubung isu-isu jenayah dan perjanjian ekstradisi, dan kerjasama pasukan polis dan tentera kedua-dua negara dalam usaha menstabilkan konflik di Timor Leste yang berlarutan sejak bulan Mei lalu.

Malah, jelas Wise, kepentingan pelabur-pelabur Australia di Malaysia juga bertambah kukuh, antaranya dalam perkhidmatan insurans, hartanah dan perbankan.

Kejayaan lawatan Abdullah tahun lalu turut diakui menerusi nota maklumat yang diterbitkan oleh laman web Jabatan Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Australia.

"Ia menyediakan peluang yang penting untuk membina hubungan dan kerjasama bersifat jangka panjang meliputi pelbagai aspek," kata nota maklumat jabatan itu.

Hubungan

Jika diteliti senarai bentuk dan tahap kerjasama antara Malaysia dan Australia memang panjang. Hubungan dua hala merangkumi bidang perdagangan dan pelaburan, pertahanan, memerangi keganasan, penguatkuasaan undang-undang, mengatasi penyeludupan manusia, pelancongan dan penerbangan.

Aspek kerjasama lain dalam bentuk institusi termasuklah Majlis Perniagaan Australia-Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-Australia, Yayasan Malaysia-Australia dan Alumni Malaysia Australia serta Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA).

Secara tidak langsung bagi Howard yang akan tiba di Malaysia malam ini, lawatan ini merupakan kunjungan kedua bagi beliau ke Malaysia dalam tempoh setahun lalu. Pada Disember 2005, beliau berada di Kuala Lumpur untuk mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak Asia Timur yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN.

Dari segi dagangan dan perkhidmatan dua hala, Malaysia merupakan rakan dagangan kedua terbesar bagi Australia di rantau ASEAN dan rakan

niaga ke-11 bagi Australia tahun 2005-06, dengan nilai niaga telah mencecah paras RM25.1 bilion (A\$9.3 bilion).

Komuniti perniagaan Malaysia juga dikatakan terus menyedari tentang kekuatan ekonomi Australia dan potensi nilai Australia sebagai sebuah lokasi untuk operasi-operasi serantau.

Jabatan Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Australia menyebut, pelaburan rakyat Malaysia juga mengalami pertumbuhan yang dinamik. Pada akhir tahun 2005, pelaburan langsung asing Malaysia di Australia dilaporkan berjumlah RM12.2 bilion (A\$3.3 bilion), menjadikan Malaysia berada di tangga ke-11 dari segi pelaburan terbesar di Australia. Bagaimanapun nilai pelaburan langsung Australia di Malaysia adalah dalam lingkungan RM1 bilion (A\$371 juta).

Kerjasama bidang pendidikan juga menggambarkan hubungan dinamik kedua-dua negara. Sehingga kini kira-kira 250,000 orang telah mengikuti pengajian tinggi di Australia manakala sehingga Julai lalu pula seramai 18,547 sedang mengikuti pengajian di pelbagai peringkat. Jumlah itu tidak termasuk program pendidikan kembar dengan penubuhan kampus cawangan universiti-universiti Australia di Malaysia.

Kunjungan Howard ini juga me-

rupakan lawatan rasmi dua hala yang pertama oleh seorang Perdana Menteri Australia sejak tahun 1996. Paul Keating mengunjungi Malaysia 10 tahun yang lalu.

Howard juga pernah berada di Kuala Lumpur sempena sidang kemuncak APEC 1998. Malah kedua-dua pemimpin ini pernah bertemu pada persidangan pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua kerajaan seperti APEC tahun lalu dan dua minggu lalu di Hanoi, Vietnam.

Justeru, ketika menjelaskan sebab lawatan kali ini signifikan bagi Howard-Abdullah, Wise menjelaskan: "Memang ia lawatan dua hala yang signifikan kerana ia kali pertama dilakukan (oleh Howard) dalam 10 tahun."

"Malah, ia dilakukan ketika (Malaysia dan Australia) berada dalam suasana yang sangat mesra, yang amat tinggi dalam hubungan dua hala yang baik antara kedua-dua negara," katanya.

Lawatan ini penting kerana ia memberi isyarat tentang kekuatan hubungan dua hala dan kesediaan kedua-dua Perdana Menteri membina kekuatan sedia ada selain mencari peluang-peluang baru untuk memperluaskan kerjasama semasa.

Ketika ditanya mengenai harapan, Wise berkata, lawatan ini menggambarkan Abdullah dan Howard melihat kepentingan hubungan dua hala yang kukuh demi faedah rakyat kedua-dua negara dan kerajaan.

"Ia juga mengingatkan rakyat mengenai sejauh mana mantapnya hubungan kita dalam bidang seperti pendidikan, kerjasama pertahanan, dan ikatan antara rakyat.

"Menjangkau ini, saya berharap ia membawa isyarat kepada komuniti perniagaan bahawa terdapat banyak peluang untuk diperkukuhkan di Australia dan juga di Malaysia.

"Dan, pemimpin kedua-dua negara bekerja keras untuk memastikan persekitaran perniagaan adalah menarik bagi ahli perniagaan Malaysia dan Australia," kata Wise lagi.

Paling signifikan dalam hal ini, Malaysia dan Australia sedang merundingkan kerjasama dua hala FTA, tambah beliau.

Bagaimanapun tiada perjanjian utama akan dimeterai sempena lawatan ini, kata Wise. Begitu juga tiada isu-isu besar yang memerlukan 'dialog langsung' kedua-dua pemimpin untuk menyelesaikannya.

"Ia cuma lawatan yang bakal memperkukuhkan kekuatan dan ikatan

kerjasama dua hala antara kedua-dua negara. Ia satu lawatan yang memberi isyarat kepada komuniti perniagaan bahawa hubungan politik berada dalam tahap yang dinamik.

"Ikatan perdagangan dan pelaburan sangat baik dan ia membawa manfaat yang mendalam kepada kedua-dua negara," jelas Wise.

Lawatan Howard dan kerjasama Australia juga perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas.

Pemimpin-pemimpin ASEAN akan bertemu dalam sidang kemuncak yang ke-12 di bandar raya Cebu, Filipina pertengahan bulan depan. Keduaduan Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan pendirian dalam pelbagai isu antarabangsa, yang turut melibatkan peranan Canberra, dijangka akan terus menjadi daya tarikan hubungan kukuh kedua-dua negara.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di Canberra kelmarin sempena lawatannya, Howard menjelaskan: "Ketika lawatan, saya dan Perdana Menteri Abdullah akan membincangkan langkah-langkah untuk membina hubungan yang kukuh ini dan memperkukuhkan kepentingan bersama dalam mempromosikan keamanan dan keselamatan serantau."